

MAHATHIR- KONTREKTOR
(1)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI.

1984

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYELARRAKYAT HALAYSIA YANG MENKRITIK KEJAYAAN PARAKONTREKTOR ASING DACAH PERUSAHAAN BINAAN DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN KERAJAAN TIDAK GHAIRAH MENJADIKAN ORANG ASING KAYA RAYA, MAHUPUN SYARIKAT AYAU INSTITUSI HALAYSIA SENDIRI.

BERUCAP DIMAJLIS HAKAN MALAM INSTITUT JURUTERA MALAYSIA (IEM) DI SINI YANG DIADAKAN UNTUK MENYAMBUK PERAYAAN JUBLI PERAKNYA PERDANA MENTERI MENYALAHKAN SIKAP TIDAK AMBIL POEDULI ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM BIDANG PEMBINAAN TEMPATAN KERANA BERLAKUNYA KEADAAN INI.

+SEMASA INDUSTRI BINAAN NEGARA DITUMPUKAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA SAHAJA, ADA PULA SIKAP TIDAK AMBIL PEDULI. HAMPIR TIDAK ADA PEMBINAAN YANG SIAP MENGIKUT JADUAL. SEBUAH BANGUNAN YINGGI DIBANDARAYA MENGAMBIL MASALAPAN YAHUN UNTUK SIAP.

BELANJA BERLEBIHAN DAN KENAIKAN 100 PERATUS DARI KOS AWAL APABILA PROJEK 5 SAP ADALAH PERKARABIASA. TIDAK ADA USAHA MEMBERILATIHAN SEMASA KERJA KEPADA BUMIPUTERA AYAU PUN BUKAN BUMIPUTERA.

MALAH, USAHA KERAJAAN SUPAYA DASAR, EKONOMI BARU DIPRAKTIKKAN JUGA DITOLAK ATAU TIDAK DIINDAHKAN. -- LAGI 1020/MB
ZCZC B711

MAHATHIR- KONTREKTOR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

USAHA JUGA TIDAK DIBUAT UNTUK MENDAPATKAN ATAU MENGGUNAKAN TEKNOLOGI BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGURUSAN KETIKA ITU JWGA AGAK LAPUK DENGAN KONTREKTOR-KONTREKTOR MEMPUYAI BANYAK KERJA UNTUK MEMBERI PERHATIAN KHUSUS DAN TERUS MENERUS KEPADA SEBARANG PROJEK.

BAGAIMANAPUN, DENGAN KEDATANGAN KONTREKTOR ASING, BUKAN SAHAJA TEKNOLOGI BARU DAPAT DIBAWA KE NEGARA INI, TETAPI PENGURUSAN PROJEK JUGA SANGAT TERATUR.

BELIAU BERKATA WALAUPUN ADA KESULITAN BAHASA DAN BEROKRETIK MEREKA TELAH DAPAY MEMENUHI TANGGUNGJAWABNYA DAN KERJA-KERJA BINAAN SERINGKALI DAPAT DISIAPKAN LEBIH AWAL DARI JADUAL.

DALAM SATU KES, TEMPOR JAMINAN TUJUH TAHUN DIBERI. JIKA ADA KEROSAKAN STRUKTUR, YANG MUNGKIN YERJADI. BEGINILAH KESANNYA KEDATANGAN SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN ASING HINGGA SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN MALAYSIA SENDIRI TERPAKSA MEMPERBAIKI PRESTASI MEREKA, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MELAHIRKAN HARAPAN APA YANG BERLAKU SEKARANG ADALAH SEMENTARA SAHAJA. +KAMI BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA DAPAT MEMPEROLEHI KEMAHIRAN-KEMAHIRAN PENGURUSAN YANG PERLU UNTUK BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING. -- LAGI 2225/MB

ZCZC B712

MAHATHIR- KONTREKTOR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN MENEGASKAN USAHA MEMPERBAIKI SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA TIDAK BOLEH DIBUAT DALAM MASA YANG SINGKAT.

SEBAGAI LANGKAH PERTAMA, BELIAU MENCADANG USAHASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING DI MANA RAKAN KONGSI MALAYSIA HARUS MEMIKUL SAMA BERAT TANGGUNGJAWAB KERJA DAN RISIKO.

+MEREKA MESTILAH AGRESIF UNTUK MENDAPATKAN PENGETAHUAN DAN TEKNIK. AKHIRNYA AKAN LAHIR SYARIKAT YANG SERATUS PERATUS MALAYSIA YANG BESAR YANG DAPAT MENJALANKAN HINGGA PROJEK-PROJEK +TURN-KEY+.

AKHIRNYA SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA AKAN DAPAT MENJELAJAH KE LUAR NEGERI DAN BERSAING DALAM KERJA-KERJA BINAAN DI NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK DI AMERIKA SYARIKAT DAN EROPAH.

WALAU PUN INI MUNGKIN SEPERTI +IMPIAN YANG TIDAK MUNGKIN TERJADI+ PERDANA MENTERI BERKATA +APA SAJA BOLEH TERJADI JIKA KITA BERSEDIA MENGHADAPI DAN MENGATASI CABARAN+.

BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH DAPAT MENGENDALIKAN GETAH, KELAPA SAWIT DAN KOKO - YANG BUKAN BERASAL DARI NEGARA INI, DAN MENJADI TERKENAL DAN MASYHUR DALAM BIDANG-BIDANG INI.

-- LAGI 2234/MS

MAHATHIR- KONTREKTOR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JADI, TIDAK ADA SEBAB KITA TIDAK BOLEH MENJALANKAN BIDANG-BIDANG LAIN. MULALAH SECARA KECIL-KECILAN, TETAPI TENTUKAN MATLAMAT KITA TINGGI. KITA MUNGKIN TIDAK DAPAT MENCAPAI MATLAMAT ITU DALAM HAYAT KITA, TETAPI KITA BOLEH MENCUBANYA+.

BELIAU MINGGATKAN KEMBALI MASA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) HENDAK MENGADAKAN PERKHIDMATAN KE LONDON, BANYAK PERSOALAN TELAH TIMBUL DAN SEMUA MAHUKAN MAS MENJALANKAN PERKHIDMATAN DALAM NEGERI SAHAJA.

+HARI INI MAS MENGADAKAN EMPAT PENERBANGAN KE LONDON. TIDAK TIDAK DAPAT DIBAYANGKAN JIKA MAS TIDAK ADA PERKHIDMATAN KE LONDON. TETAPI SATU KETIKA DAHULU, INI HANYALAH SATU IMPIAN ATAU ANGAN-ANGAN SAHAJA+.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA KONTREKTOR BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MEMAINKAN PERANANNYA DAN JUGA BERSIMPATI KEPADA MEREKA.

+KITA AKAN MENDENGAR SEGALA MASALAH DAN SUNGUTAN ANDA DAN KITA AKAN BERTINDAK DI MANA-MANA PERLU+ TAMBAHNYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN MINGGATKAN JIKA KERAJAAN NAMPAKNYA BERTINDAK BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN MEREKA, MEREKA HARUSLAH INGGAT BAHAWA IA TIDAKLAH TERBIT DARI KEINGINAN HENDAK MEMBANTU ORANG LIAU. -- LAGI 2240/MB

ZCZC B714

MAHATHIR- KONTREKTOR 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KADANGKALA KERAJAAN DAN PARA PEMIMPIN PERLU MENJOLOK RAKYAT SUPAYA BANGKIT DARI PERASAAN PUASHATI DAN KEPUASAN DIRI SENDIRI.

WALAU PUN MUNGKIN TIDAK POPULAR, KERAJAAN MESTI SENTIASA MENGGUNAKAN TEKNIK INI, TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 2249/MB